

07 DEC 2000

Samy-Kerala

MALAYSIA AKAN LAKSANA LIMA PROJEK DI KERALA

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya sedang berbincang dengan kerajaan negeri Kerala bagi menjayakan lima projek di negeri di selatan India itu, kata Menteri berkenaan Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

"Empat projek meliputi pembinaan jalan dan satu lagi membabitkan projek bekalan air untuk Pelabuhan Cochin, Kerala," katanya.

Beliau berkata kedua-dua kerajaan sedang membincangkan butiran projek berkenaan dan selepas itu, Kementerian Kerja Raya akan menunggu surat hasrat daripada kerajaan negeri Kerala sebelum memulakan projek-projek terbabit.

"Bagi pihak kita, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia akan menerajui usaha itu," kata Samy Vellu pada sidang media selepas menerima kunjungan Ketua Menteri Kerala E.K. Nayanar di sini.

Nayanar diiringi oleh Menteri Kerja Raya, P.J. Joseph dan Ketua Setiausaha Jabatan Kerja Raya Babu Jacob.

Rombongan itu dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya esok.

Kerajaan Malaysia, kata Samy Vellu juga sedang mengkaji projek pembangunan lain yang berdaya mahu di negeri itu untuk diterokai.

"Lawatan oleh ketua menteri ini akan menjadi pemangkin dalam merapatkan kerjasama antara kedua-dua kerajaan terutama dalam pelaksanaan projek infrastruktur," katanya.

Pada sidang media yang sama, Nayanar berkata Kerala juga berminat untuk bekerjasama dengan kerajaan Malaysia untuk membangunkan projek-projek infrastruktur di negeri itu.

"Kami juga mahu kerajaan Malaysia melaksanakan projek pembangunan lain di Kerala kerana kami yakin negara ini mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam mengenalikan projek-projek besar," katanya.

Beliau berharap kedua-dua kerajaan akan mengekalkan hubungan kerja yang rapat untuk manfaat kedua-duanya dalam bentuk pembangunan.

-- BERNAMA

SR AZZ LAT